

## **Semenyih**

# Najis loji bercampur bah

Ketenangan 18 tahun dinikmati 300 penduduk Taman Semenyih Indah, di sini, tergugat apabila banjir kilat melanda perumahan itu, sejak Sabtu lalu.

Lebih memburukkan lumpur itu bercampur najis loji kumbahan berhampiran yang melimpah akibat hujan lebat selama dua jam.

Penduduk, S Nagandran, 48, berkata, masalah itu terjadi berikutan sistem perparitan tidak diselenggara, selain turut disumbangkan faktor pembangunan pesat di kawasan berkenaan.

Katanya, kejadian sama pernah terjadi dua tahun lalu, tetapi tidak seteruk pada kali ini apabila lapan rumah dinaiki air banjir lumpur setinggi 0.75 meter.

“Hujan lebat bermula jam 5 petang dan dalam tempoh setengah jam air lumpur masuk ke dalam rumah.

“Ketika itu saya sedang berehat di ruang tamu dan sekelip mata keadaan bertukar menjadi kelam-kabut,” katanya.